

**Nik Aziz terkilan Karpal Singh tidak sempat memahami hukum hudud**  
**Free Malaysia Today**  
**17 April 2014**  
**Oleh FMT Staff**

Sambutan yang diberikan oleh Karpal Singh kepada Nik Aziz sangat-sangat mencerminkan kelembutan beliau.

PETALING JAYA: Mursyidul Am PAS, Datuk Nik Aziz Nik Mat terkilan kerana mendiang Karpal Singh tidak sempat untuk diberikan pemahaman tentang hudud.

Katanya, beliau amat yakin, individu seperti Karpal Singh jika diberikan kefahaman yang sebenarnya tentang undang-undang ini, tidak akan mempunyai sebarang sebab untuk menolak undang-undang hudud.

“Saya sifatkan pemergian beliau sebagai satu kehilangan kepada dunia politik tanah air kerana beliau amat dikenali sebagai seorang yang berprinsip dan sukar digugat pendiriannya,” kata beliau dalam satu kenyataan sambil mengucapkan takziah kepada keluarga bekas Pengerusi DAP itu.

Karpal, 74, yang juga pemimpin veteran DAP maut dalam satu kemalangan jalanraya di Lebuhraya Utara Selatan awal pagi tadi.

Pembantunya, Michael Cornelius turut terkorban manakala anaknya Ram Karpal dilaporkan cedera parah.

Menurut laporan, kenderaan serbaguna (MPV) yang dinaiki mereka merempuh sebuah lori yang cuba menukar laluan tanpa memberi isyarat di kilometer 301.6 arah Utara.

Ekoran itu, Karpal yang juga Ahli Parlimen Bukit Gelugor itu mati di tempat kejadian akibat cedera parah.

Nik Aziz yang juga bekas Menteri Besar Kelantan berkata Karpal Singh juga merupakan pendokong kuat kepada Perlembagaan Malaysia dan amat tegas dengan pendirian bahawa Malaysia merupakan negara sekular.

“Sudah tentu prinsip ini amat berbeza dengan prinsip perjuangan PAS dan beliau ternyata menghormati perbezaan ini,” katanya lagi.

Beliau masih ingat sewaktu ke rumah Karpal Singh awal tahun lepas di mana beliau diberikan sambutan yang sangat hangat dari beliau.

“Bahkan beliau menghantar saya pulang rapat ke pintu kenderaan sekalipun situasi beliau yang terpaksa bergerak dengan kerusi roda. Saya kira, di sebalik perbezaan pandangan antara kami, sambutan yang diberikan oleh beliau kepada saya sangat-sangat mencerminkan kelembutan beliau dan penerimaannya terhadap hubungan PAS dan DAP di dalam Pakatan Rakyat,” tegasnya lagi.

Nik Aziz kenal Karpal Singh sebagai seorang yang mendokong kuat Perlembagaan Malaysia dan beliau yakin Karpal Singh akan terus dikenali begitu di dalam sejarah politik tanah air.

“Di negara ini, jika semua pihak menghormati prinsip yang terkandung di dalam Perlembagaan, Kelantan pastinya tidak akan ditindas dengan pelbagai jenis penindasan,” katanya.

Beliau menambah hak Kelantan termaktub di dalam perlembagaan, tertulis di atas perjanjian, namun ada pihak yang sewenang-wenangnya membelakangi Perlembagaan dan perjanjian bertulis.

Copyright © 2013 – Free Malaysia Today

Source: <http://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2014/04/17/nik-aziz-terkilan-karpal-singh-tidak-sempat-memahami-hukum-hudud/>